



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN KEPENGARANGAN ARTIKEL JURNAL

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	00	01/04/2021

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini dibangunkan sebagai rujukan pengarang UKM dalam usaha membantu dan menggalakkan penerbitan hasil penyelidikan yang berkualiti dan berimpak dengan lebih berkesan ke arah kecemerlangan universiti.

2.0 KEPENGARANGAN

Penyelidikan seringkali dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik dengan pelbagai kepakaran yang disumbangkan untuk mencapai objektif penyelidikan yang dijalankan. Penemuan-penemuan dari penyelidikan yang dilakukan akan dikongsikan bersama komuniti saintifik/akademik melalui penerbitan makalah penyelidikan seperti artikel jurnal atau setara. Walau bagaimanapun hanya ahli kumpulan penyelidik yang memenuhi kriteria berikut layak menjadi pengarang dalam sesuatu artikel jurnal:

- a. Memberikan sumbangan ilmiah yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan termasuk dalam konsep dan reka bentuk projek penyelidikan, analisis dan tafsiran data penyelidikan;
- b. Memberi sumbangan yang bermakna kepada penulisan, penyempurnaan dan penyuntingan akhir; dan
- c. Bersedia untuk memikul tanggungjawab terhadap karya yang diterbitkan.

3.0 AFILIASI PENERBITAN

Setiap penyelidik UKM yang terlibat dalam penghasilan sesuatu artikel jurnal dari penghasilan sesuatu penyelidikan yang dijalankan sama ada sebagai pengarang koresponden, pengarang pertama, pengarang bersama, atau pengarang utama hendaklah menunjukkan dengan jelas afiliasi 'Universiti Kebangsaan Malaysia' dalam penerbitan.

4.0 GLOSARI KEPENGARANGAN

Bahagian ini memberikan definisi pelbagai kategori kepengarangan bagi sesuatu makalah jurnal. Penetapan kepengarangan sesuatu makalah jurnal perlulah dengan definisi yang diberikan di bawah dan juga memenuhi kriteria di Klausu 2.0.

a. *Pengarang UKM*

Pengarang UKM terdiri daripada kakitangan akademik, felo pasca doktoral, kakitangan bukan akademik, kakitangan pengurusan dan profesional, kakitangan pelaksana dan pelajar UKM yang melakukan penyelidikan dan menerbitkan hasil penyelidikan mereka.

b. Pengarang Utama

Pengarang utama adalah penyelidik yang memberikan sumbangan ilmiah yang paling signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan termasuk dalam konsep dan reka bentuk penyelidikan, analisis dan tafsiran data penyelidikan serta penulisan, penyempurnaan dan penyuntingan akhir makalah jurnal.

c. Pengarang Bersama

Pengarang bersama adalah penyelidik lain yang turut memberi sumbangan ilmiah yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan termasuk dalam konsep dan reka bentuk penyelidikan, analisis dan tafsiran data penyelidikan serta penulisan, penyempurnaan dan penyuntingan akhir makalah jurnal.

d. Pengarang Koresponden

Pengarang koresponden adalah pengarang utama yang bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan editor jurnal semasa penyerahan naskah, dan juga memastikan bahawa semua keperluan penerbitan jurnal dipenuhi. Maklumat komunikasi bagi sesuatu artikel jurnal adalah berdasarkan maklumat pengarang koresponden.

Oleh yang demikian, pengarang utama perlu menjadi pengarang koresponden bagi memastikan sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan penemuan penyelidikan yang diterbitkan dan penyelidikan yang dilakukan dapat disampaikan dengan tepat. *(Pusat tanggungjawab dari Gugusan Sains dan Kesihatan diberikan kelonggaran bagi kes ini)*

Terdapat sejumlah penerbit jurnal yang membenarkan lebih dari seorang pengarang koresponden. Bagi situasi sedemikian kumpulan penyelidik perlu bersetuju untuk memilih penyelidik-penyelidik yang akan menjadi pengarang koresponden berdasarkan sumbangan mereka dalam penghasilan makalah jurnal berdasarkan kriteria seperti di Klaus 2.0.

5.0 KEPENGARANGAN PELAJAR PRASISWAZAH, SISWAZAH ATAU FELO PASCA DOKTORAL

Pelajar prasiswazah, siswazah atau felo pasca doktoral yang memberikan sumbangan dalam penghasilan artikel jurnal berdasarkan kriteria seperti di Klaus 2.0 adalah layak untuk turut disenaraikan sebagai pengarang artikel jurnal seperti klaus 2.0.

Pelajar prasiswazah, siswazah atau felo pasca doktoral bertanggungjawab menjalankan penyelidikan termasuk dalam pengumpulan data, analisis dan tafsiran data penyelidikan serta penyediaan artikel jurnal perlu ditempatkan sebagai **pengarang pertama** artikel jurnal tersebut. Sebarang pengarang pertama, sebarang sitasi terhadap artikel jurnal akan mengiktiraf sumbangan mereka. *(Contoh: Nama pengarang pertama et.al (tahun penerbitan)).*

6.0 PENERBITAN BERSAMA PENYELIDIK DARI INSTITUSI LAIN

Bagi penerbitan yang dihasilkan oleh pengarang UKM sebagai pengarang bersama dengan penyelidik dari institusi lain perlu juga diberikan pengiktirafan. Pengarang tersebut perlu diiktiraf sebagai pengarang utama penerbitan dalam pendaftaran artikel jurnal yang diterbitkan. Bagi situasi yang melibatkan lebih dari seorang pengarang UKM sebagai pengarang bersama, penetapan pengarang utama adalah berdasarkan sumbangan ilmiah yang paling signifikan dalam penyelidikan berkaitan bersesuaian dengan Klausula 4.0(a) sewaktu mendaftarkan penerbitan tersebut.

7.0 PENILAIAN KEPENGARANGAN DALAM SISTEM PENILAIAN PRESTASI UNIVERSITI (SPPU)

Berdasarkan glosari kepengarangan di Klausula 4.0:

- a. Pengarang koresponden hendaklah mendapat markah penuh sebagai pengarang utama. Manakala pengarang-pengarang yang lain, dinilai sebagai pengarang bersama.
- b. Sekiranya berlaku pertikaian status kepengarangan, para pengarang perlu berbincang untuk bersetuju mengenai status kepengarangan mereka dan melengkapkan borang status kepengarangan artikel jurnal seperti di Lampiran 1.

8.0 PENGHARGAAN

Sumbangan-sumbangan lain yang tidak memenuhi mana-mana kriteria kepengarangan seperti Klausula 2.0 dalam garis panduan ini boleh diberi pengiktirafan dalam bahagian penghargaan artikel jurnal.

Nota

Universiti Kebangsaan Malaysia berhak meminda Garis Panduan Kepengarangan Artikel Jurnal tertakluk kepada keperluan dan keperluan semasa.

Disediakan oleh:

Pusat IDEA UKM (IDEA-UKM)

Disemak oleh:

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)

Diperakukan oleh:

Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI)

-TAMAT-

**PUSAT IDEA UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI
SELANGOR
NO. TEL: 03-8911 8263/8264/8265
NO. FAKS: 03-89118266
LAMAN SESAWANG: <http://www.ukm.my/ideaukm/>**